

KITA LWN. MEREKA DALAM MEDIA SOSIAL: PENGHALANG BUDAYA DAMAI?

Rohizah Halim

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

Emel: rohizah@uum.edu.my

Nor Hafidah Ibrahim

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

Emel: norhafidah@uum.edu.my

Melor Fauzita Md Yusoff

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

Emel: fauzita@uum.edu.my

ABSTRAK

Manusia berfikir dan mengenali dunia dalam bentuk perduaan atau binari, terutamanya tentang identiti diri dan kumpulan. Adakah cara berfikir dan wacana perduaan tidak selaras dengan budaya damai yang mengusulkan bentuk pemikiran yang menerima kepelbagaian? Dalam budaya damai juga, dialog adalah penting untuk penyelesaian konflik yang memerlukan komunikasi terbuka antara pelbagai pihak. Kewujudan media sosial membuka manusia kepada kepelbagaian pandangan dan kumpulan dan merupakan tempat idea dan pandangan tentang dunia dapat dikongsi. Wacana perduaan dalam media sosial merupakan cerminan kepada bentuk perduaan dalam peristiwa komunikasi dalam talian. Dengan menggunakan kerangka analisis, model segi empat ideologi yang diperkenalkan oleh Teun A. van Dijk untuk bidang analisis wacana kritis, kertas kerja ini menganalisis tujuh teks yang berbeza untuk menghuraikan strategi kebahasaan wacana perduaan yang terdapat dalam pemikiran perduaan, Kita lwn. Mereka (*Us vs. Them*). Kertas kerja ini membuka persoalan tentang penggunaan media sosial, wacana perduaan dan 'musuh yang dikenali', selain mempersoalkan sama ada wacana penentangan dalam talian merupakan usaha ke arah mewujudkan budaya damai.

Kata kunci: Ideologi; Kita lwn. Mereka; media sosial; wacana perduaan

1. PENGENALAN

Internet dan media sosial mendedahkan dunia kepada pelbagai konflik yang hanya sejauh sentuhan jari. Platform media sosial menjadi tempat individu dan kumpulan menyuarakan pandangan ekstrim, menyatakan sokongan kepada penindasan dan menyebarkan maklumat palsu. Platform media sosial seperti *X* (dahulunya *Twitter*), *YouTube* dan *Facebook* menjadi medan penyebaran berita dan maklumat tentang dunia oleh kumpulan dan individu tertentu secara terang-terangan atau bersembunyi¹. Wacana yang berlegar di sekitar konflik bersenjata politik identiti dan perbezaan. Penonjolan wacana perkauman mengancam untuk menghakis kesejahteraan sejagat dan nilai toleransi. Usaha untuk memperjuangkan konsep hidup bersama secara aman menjadi lebih mendesak.

2. BAHASA POLITIK DAN PEMIKIRAN PERDUAAN

Kajian tentang penggunaan bahasa boleh membantu memahami cara fikir kumpulan tertentu. Polarisasi dalam pemikiran sebagai didorong oleh perbezaan kaedah pementakan (framing) berbeza yang digambarkan melalui penggunaan bahasa. Asas pemikiran manusia terletak dalam

mod pemikiran dedua (binary). Perduaan (binaries) ialah kaedah paling mudah untuk menjadikan idea yang kompleks mudah dihadam (Volk, 1995), “*without the overbearing complicatedness*” (h. 84). Pemikiran binari atau kategori ialah cara berfikir secara tidak sedar yang menyusun bentuk maklumat yang diterimanya ke dalam kategori. Ini membantu memproses maklumat dengan cepat dan memastikan Kita selamat melalui pengecaman corak kemungkinan ancaman. Walau bagaimanapun, ia juga boleh dipengaruhi oleh berat sebelah tidak sedar dan sedar yang memaklumkan pertimbangan Kita terhadap orang dan situasi lain. Bentuk pemikiran perduaan menghasilkan keadaan fikir berjemaah (*groupthink*)². Dalam konteks ini, fikir berjemaah membezakan antara kumpulan dan keanggotaan dalam suatu kumpulan, sama ada inkusif (sebahagian daripada kumpulan) dan eksklusif (terkeluar daripada kumpulan).

Pertarungan dialektik antara kumpulan (dan individu) ialah realiti dalam masyarakat. Sarjana seperti Wodak (2008), Anderson (2013) dan de Borja Navarro dan Yeh (2022) menyimpulkan bahawa bentuk perduaan Kita lwn. Mereka menyerlahkan pergeseran dan prejudis yang boleh menggugat keharmonian masyarakat. Analisis akan mengguna pakai model yang dicadangkan oleh van Dijk (1998) sebarang kerangka analisis untuk memahami peranan dan kesan bahasa dalam wacana perduaan. Model segi empat ideologi (*ideological square*) dipecahkan kepada dua bahagian (van Dijk, 1998, h. 267), iaitu a) representasi wacana tentang Kita, dan b) representasi wacana tentang Mereka. Dua bahagian utama ini dipecahkan lagi kepada i) pernyataan atau penegasan, dan ii) penyekatan atau nyahtegas. Kerangka analisis tersebut boleh diringkaskan seperti rajah berikut:

Rajah 1: Segi Empat Ideologi van Dijk

Menyatakan/Menegaskan maklumat positif tentang Kita (<i>Express/emphasize information that is positive about Us</i>)	Menyekat/Menyahtegaskan maklumat negatif tentang Kita (<i>Suppress/de-emphasize information that is positive about Them</i>)
Menyatakan/Menegaskan maklumat negatif tentang Mereka (<i>Express/emphasize information that is negative about Them</i>)	Menyekat/Menyahtegaskan maklumat positif tentang Mereka (<i>Suppress/de-emphasize information that is negative about Us</i>)

3. DATA KAJIAN

Data dikutip daripada aplikasi media sosial *X* (dahulunya *Twitter*). Kajian ini menumpukan kepada isu genosid di Gaza daripada perspektif wartawan bebas yang juga penyanyi rap Lowkey (@lowkeyOnline). Hantaran dan dua balasan teratas yang diambil untuk dianalisis bertarikh 16 Jun 2025³. Hantaran ini mempunyai rakaman video berdurasi 1:03 dengan sari kata yang memaparkan seorang wanita dan seorang kanak-kanak perempuan yang berkonfrontasi dengan seorang lelaki berpakaian tentera dan bersenjata. Perakam video berada di belakang wanita dan kanak-kanak perempuan.

Pada 19 Jun, hantaran ini mempunyai 1 juta lihatan, 594 balasan, 10 ribu hantaran semula, 35 ribu sukaan dan tiga ribu simpanan. Dua balasan teratas mempunyai sentimen pro-Palestin (PP). Balasan pertama tidak mempunyai sebarang interaksi berbentuk teks, tetapi balasan kedua mempunyai empat interaksi berbentuk teks yang kesemuanya mempunyai sentimen pro-Israel (PI).

Jadual 1: Data Kajian Dalam Bentuk Hantaran dan Balasan

Set Data	Teks Verbal
PP1	“Take note, I am not scared of you.”
PP2	They are probably thinking that their trigger happy habit of shooting little children will kick in..not that it’s a habit they want to give up of course, and not that they’d even be bothered of were being filmed...the move vile, arrogant and spinless that could ever be found.
PP3	Zionists’ heavy-handed tactics in Gaza, as seen here, show their disregard for human rights. Their control over conflict zones much face global condemnation! #EndZionistViolence #FreePalestine
PI1	You deserve Islamists not the west.
PI2	Is it human right to parade a child in front of a soldier? Is it also human right to send your child first to respond to a threat, human rights in Palestine is a crime elsewhere. You live in a dark world
PI3	This video is literally from Jerusalem lol
PI4	Actually what you see here is how people aren’t afraid of an Israeli soldier, as Israeli soldiers aren’t danger to civilians. thanks for helping making that clear. Also, it is not Gaza.

Set data pertama berjumlah 81 patah perkataan berbentuk sentimen pro-Palestin (PP). Terdapat tiga set data, iaitu PP1, PP2 dan PP3. Set data kedua mempunyai 88 patah perkataan yang berkongsi sentimen pro-Israel (PI), iaitu PI1, PI2, PI3 dan PI4. Dalam konteks set data PP, Kita ialah Palestin dan penyokongnya, sementara Mereka ialah Israel dan penyokongnya. Sebaliknya, untuk teks dalam set data PI, Kita merujuk kepada Israel dan penyokongnya, sementara Mereka ialah Palestin dan penyokongnya. Dalam data set PI3, Kita ialah Barat (*west*), sementara Mereka iaitu penganut/penyokong Islam (*Islamists*). Dalam konteks ini, pro-Palestin dikategorikan sebagai sama dengan penganut Islam atau penyokong Islam.

4. ANALISIS, DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penggunaan kata ganti nama diri ketiga seperti “they” and “their” mendominasi set data PP2 dan PP3. Hal ini kerana teks tersebut merupakan jawapan atau balasan (*reply*) kepada hantaran asal (PP1) dan merujuk secara langsung kepada tentera Israel dan Zionist. Hanya sekali sahaja “I” digunakan (PP1) dan digunakan dalam bentuk petikan. Sementara penggunaan kata ganti nama diri kedua, “you” lebih dominan dalam set data PI sebagai balasan langsung kepada PP3 seperti dalam PI1 dan PI4. Dalam PI2, “you” merujuk kepada wanita Palestin dalam video hantaran asal. Kata sifat dan kata kerja yang digunakan dalam PP2 dan PP3 merupakan kata kerja yang

berbentuk negatif kepada Mereka. Kata kerja untuk teks PI tidak begitu jelas (*salient*) dari segi makna berbanding PP.

van Dijk (1998) menyarankan penganalisis turut mengenal pasti aspek wacana seperti pemberian agensi dan perletakan tanggungjawab atau kesalahan. PP2 dan PP3 menggunakan struktur aktif dalam ayat yang meletakkan Israel/Zionist/tentera sebagai pelaku dengan kata kerja yang digolongkan dalam kata kerja yang membawa maksud keganasan. Bentuk pemikiran tanggungjawab sebagai tuduhan (*responsibility as blame*) (Zhao, 2021) juga wujud dengan jelas dalam data ini, iaitu dalam PI1 dan PI2. Aspek ini tidak begitu menonjol tetapi turut hadir dalam PI4.

Analisis makna menyeluruh teks mendapati bahawa hantaran balas lebih cenderung kepada strategi menyatakan perkara yang negatif tentang Mereka, iaitu PP2, PP3 dan PI1, sementara PI2, PI3 dan PI4 boleh diklasifikasikan sebagai melihat mengurangkan maklumat negatif tentang kita. Sementara PP1 sebagai hantaran original ialah suatu yang positif tentang Kita. Tiada hantaran atau balasan yang menggunakan strategi yang menyahtegaskan aspek positif Mereka, walaupun sebagai dua perkara yang hadir secara bertentangan, kehadiran positif Kita secara tidak langsung mengurangkan atau meniadakan langsung aspek positif Mereka.

Rajah 5: Dapatan Berdasarkan Model Segi Empat Ideologi

Positif - Kita PP1	Negatif - Kita PI2; PI3; PI4
Negatif - Mereka PP2; PP3 PI1	Positif - Mereka 0

5. KESIMPULAN

Pemikiran perduaan merupakan bentuk pemikiran yang penting dan berpengaruh dalam kehidupan manusia. Walaupun dalam keadaan tertentu, bentuk pemikiran ini tidak boleh dinilai atas paksi salah atau palsu, van Dijk (1995) menegaskan dalam wacana berbentuk pemujukan, perletakan tindakan, pertanggungjawaban, kesalahan dan kebaikan akan berfungsi untuk mengawal minda penerima teks. Rasa simpati dan solidariti dengan suatu kumpulan untuk tujuan memahami penderitaan ialah tindakan yang sesuai dan wajar, sementara meletakkan diri dalam kumpulan yang menindas kumpulan lain ialah suatu tindakan yang tidak dapat diterima akal yang waras. Struktur permukaan akan menekankan kepercayaan yang penting atau yang diberikan kepentingan, sementara aspek penyusunan menegaskan peranan pelaku sosial.

Konflik yang sudah lama wujud di Israel dan Palestin membuka era baru dengan kewujudan media sosial. Peristiwa 7 Oktober dan tragedi yang lahir selepas itu merupakan antara topik yang popular di media sosial seperti *TikTok* dan *X*. Walaupun berhadapan dengan sekatan, aktivis pro-Palestin dapat menunjukkan aspek isu dan hak kemanusiaan yang sekian lama didominasi oleh media arus perdana Barat yang mempunyai kepentingan untuk mengekalkan *status quo* yang membelenggu orang Palestin dalam usaha membebaskan tanah air dan mendapatkan kemerdekaan. Cabaran yang dihadapi ke arah mewujudkan budaya damai berlatarbelakangkan media sosial adalah sangat getir. Dapat dilihat bahawa dunia berada di persimpangan jalan. Sempadan identiti politik semakin poros dengan kewujudan media sosial yang menambah kepada

cabaran kehidupan kontemporari, namun memberikan peluang untuk menyebarkan maklumat yang berupaya untuk mengubah cara kita berfikir tentang identiti dan kumpulan.

6. RUJUKAN

- Anderson, B. (2013). *Us and Them? The dangerous politics of immigration control*. Oxford University Press.
- de Borja Navarro, F. & Yeh, A. (2022). The dangerous discourse of “Us” vs. “Them:” Spain's VOX discursive practices. *Journal of Nationalism, Memory & Language Politics*, 16(2), 211-233. <https://doi.org/10.2478/jnmlp-2022-0005>
- Karawan, I. (2013). *The islamist impasse*. Routledge.
- Mazza, M., Avvenuti, M., Cresci, S. & Tesconi, M. (2022). Investigating the difference between trolls, social bots, and humans on Twitter. *Computer Communications*, 196, 23-36. <https://doi.org/10.1016/j.comcom.2022.09.022>
- McCauley, C. (1989). The nature of social influence in groupthink: Compliance and internalization. *Journal of Personality and Social Psychology*, 57(2), 250–260. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.57.2.250>
- van Dijk, T. A. (1995). Discourse analysis as ideology analysis. Dalam C. Schäffner & A. L. Wenden (Eds.), *Language and peace* (h. 17-33). Harwood Academic Publishers.
- van Dijk, T. A. (1998). *Ideology: A multidisciplinary approach*. SAGE Publications.
- Volk, T. (1995). *Metapatterns: Across space, time, and mind*. Columbia University Press.
- Wodak, Ruth. 2008. ““Us” and ‘Them:’ Inclusion and exclusion: Discrimination via discourse.” Dalam G. Delanty, R. Wodak & P. Jones (Eds.), *Identity, belonging and migration* (h. 54-77). Liverpool University Press.
- Zaman, M. Q. & Euben, R. L. (2021). *Princeton readings in islamist thought: Texts and contexts from al-Banna to Bin Laden*. Princeton University Press.
- Zhao, X. (2021, Mei 25). Understanding the ‘Us Vs Them’ division through the notion of responsibility. *E-International Relations*. <https://www.e-ir.info/2021/05/25/understanding-the-us-vs-them-division-through-the-notion-of-responsibility/>.